

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

Tertuduh mengaku bersalah lantik keluarga untuk program pejabat kesihatan

Pegawai kesihatan dijel 3 bulan

Oleh SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU – Seorang penolong pegawai kesihatan persekitaran didenda RM75,000 dan penjara tiga bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 21 pertuduhan salah guna kuasa melibatkan jumlah RM49,155 dengan melantik keluarganya untuk program dianjurkan pejabat kesihatan di sekitar daerah Segamat.

Hakim Kamarudin Kamsun menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Mohd. Razali Mat Akhir, 40, yang bertugas

di Pejabat Kesihatan Segamat mengaku bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjarakan lapan bulan jika gagal membayar denda terbabit. Tertuduh tidak membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan kedudukannya melantik kakak dan abang iparnya untuk beberapa perolehan, perkhidmatan dan bekalan melibatkan program dianjurkan pejabat kesihatan di sekitar daerah Segamat memba-

bitkan jumlah keseluruhan RM49,155.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat Kesihatan Daerah Segamat antara 23 Jun 2016 hingga 8 November 2017.

Dia didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Akta itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau

RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Khazrin Haffiz Khalil.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam turut memohon hukuman ringan atas alasan dia kini digantung kerja dan bakal diberhentikan selepas disabitkan dengan kesalahan itu.



MOHD. RAZALI dibawa keluar selepas dibacakan 21 pertuduhan salah guna kuasa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.